

## SUKAN SETEMPAT

## Persisi 'pulang' ke gelanggang latihan OCBC Arena

► ZULAIQAH ABDUL RAHIM

zulabr@sph.com.sg

SETELAH lebih enam bulan ditutup akibat pandemik Covid-19, pintu "rumah" pasukan silat Singapura kembali dibuka untuk menyambut "p penghuninya".

Sejak Isnin lalu, Dewan 4 di OCBC Arena, yang menjadi kemudahan latihan utama Persekutuan Silat Singapura (Persisi), telah beroperasi semula.

Ini selaras dengan pengumuman Hab Sukan Singapura pada Isnin lalu bahawa kegiatan sukan dan gaya hidup kini boleh diadakan di kemudahan bernilai \$1.33 bilion itu susulan tamat tempoh projek penempatan sementara bagi pekerja asing.

100Plus Promenade, Stingray di Splash-N-Surf, Sports Hub Hard Courts dan Skate Park dibuka kepada awam Isnin lalu.

Sementara itu, OCBC Arena pula mula dibuka kelmarin.

Menjawab pertanyaan Berita Harian (BH) mengenai pembukaan semula Dewan 4, Ketua Pegawai Eksekutif Persisi Sheikh Alau'ddin Yaacob Marican kelmarin berkata dua minggu lalu Persisi telah mendapat lampu hijau daripada Sport Singapore (SportSG) untuk membuka semula dan berlatih di dewan sukan itu.

Latihan, yang dihadkan kepada 50 orang pada setiap masa dan dibahagikan kepada kumpulan kecil seramai lima orang, telah mula dianjurkan di dewan sukan itu sejak Selasa lalu.

"Pada mulanya, rasa kekok sebab sudah lama tak berlatih di sini (Dewan 4). Atlet dan juga jurulatih perlu sesuaikan diri dengan keadaan (dewan) kerana lampu di sini lebih



**KEMBALI KE "RUMAH":** Atlet pasukan silat Singapura berlatih di Dewan 4 OCBC Arena kelmarin setelah kemudahan latihan diberi lampu hijau untuk dibuka semula pada Isnin lalu. – Foto PERSEKUTUAN SILAT SINGAPURA

terang. Suhu dalam dewan pun lebih sejuk sebab ia menggunakan hawa dingin, berbanding berlatih di Heartbeat (@ Bedok) yang menggunakan kipas sahaja. Ini ada menjejaskan cara kita harus berlatih," kongsi Sheikh Alau'ddin.

Apabila latihan sukan dalam kumpulan

kecil seramai lima orang dibenarkan dalam Fasa Kedua, atlet silat negara menjalani latihan mereka di dewan sukan di Heartbeat @ Bedok.

Disebabkan ruang terhad di dewan Heartbeat @ Bedok – yang saiznya sebesar satu gelanggang bola keranjang – dan kurang tena-

ga jurulatih, ia tidak dapat menampung semua atlet daripada setiap kumpulan usia.

Ini, menurut Sheikh Alau'ddin, menyaksikan atlet daripada beberapa kumpulan usia terpaksa berlatih dalam talian melalui aplikasi Zoom.

Dalam laporan BH sebelum ini, seramai

sekitar 100 daripada 250 atlet Persisi telah mula berlatih secara fizikal sejak Julai lalu.

Mereka terdiri daripada atlet junior (14 hingga 16 tahun) dan senior (17 hingga 45 tahun).

Bagaimanapun, kini lebih ramai atlet silat negara dapat berlatih secara fizikal dengan pembukaan semula Dewan 4 di OCBC Arena, yang saiznya tiga kali ganda.

Kedua-dua dewan ini akan terus digunakan sebagai kemudahan latihan bagi atlet silat negara, tambah Sheikh Alau'ddin.

Hanya kumpulan usia Singa Cub (3 hingga 7 tahun) dan Singa Silat (8 hingga 11 tahun) yang akan terus menjalani latihan dalam talian.

Walaupun menyambut baik pembukaan semula Dewan 4 kerana "ia membawa atlet untuk kembali fokus pada latihan secara fizikal dan tidak lalai sibuk bekerja", Sheikh Alau'ddin namun mengharapkan lebih sekatan dilonggarkan dalam masa terdekat ini.

"Saya tidak begitu risau tentang tahap kecergasan atlet – itu boleh dipertingkatkan dengan mudah – tapi risau tentang keupayaan atlet untuk serap kemahiran teknik baru silat dengan pantas," katanya.

Beliau mahu latihan kontak yang membolehkan 'sparring' antara pemain dimulakan.

Mac lalu, Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (Persilat) mengumumkan peraturan dan teknik baru seperti 'uppercut' dan 'horse kick' yang akan disertakan dalam sukan itu.

Sheikh Alau'ddin menjangkakan kalendar 2021 yang padat, sekiranya keadaan pandemik beransur pulih, dengan atlet perlu bersedia bagi Kejohanan Pencak Silat Sedunia di Sarawak pada Julai 2021 dan Sukan SEA Hanoi pada November 2021.